

Pak Lah penerus Wawasan 2020

UM 23 JUN 2001

KUALA LUMPUR 22 Jun – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad percaya timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mampu meneruskan pencapaian Wawasan 2020 yang dicituskannya, selepas ketiadaan beliau.

Menurut Dr. Mahathir, beliau telah memastikan semua pihak bekerja keras untuk menjayakan wawasan itu dan jika beliau tiada, orang nombor dua ketika ini iaitu Abdullah akan mengambil alih tugas tersebut.

“Siapa sahaja yang menjadi pemimpin (akan meneruskannya) dan setakat ini seperti mana yang kita tahu penerusnya ialah orang nombor dua.

“Jika saya tiada, nombor dua, iaitu Abdullah akan menyambung alih. Beliau diyakini boleh melaksanakannya (pencapaian Wawasan 2020),” katanya pada sidang akhbar pada akhir hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagingan Dunia Putra (PWTC) hari ini. Dr. Mahathir menjawab soalan

media asing sama ada pelaksanaan Wawasan 2020 akan diteruskan oleh pemimpin selepas beliau.

Mengulas mengenai gesaan yang dibangkitkan oleh perwakilan UMNO Kelantan, Datuk Ibrahim Ali semasa perbahasan usul ucapan dasar Presiden supaya semua pemimpin bekerja untuk menjayakan matlamat parti, Dr. Mahathir berkata:

Tolong lapor

“Kita (semua) bekerja, cuma malangnya jika saya pergi (melawat) kampung-kampung, ia dilaporkan oleh semua akhbar tetapi bila pemimpin (UMNO) lain berbuat demikian, ia tidak dilaporkan.

“Jadi, tolonglah lapor bila mereka ke kampung-kampung. Mereka bekerja”.

Mengenai dakwaan Ibrahim bahawa kepimpinan Pergerakan Pemuda UMNO yang diterajui oleh Datuk Hishammuddin Tun Hussein lemah, katanya, beliau mendapati ketika ini prestasi anggota Pemuda adalah baik.

Ditanya pandangannya bahawa ada sebilangan pemimpin parti tidak menjalankan kerja mereka, Dr. Mahathir berkata, mereka dipilih oleh parti dan beliau menghormati keputusan itu.

“Jika mereka salah pilih, ia terserah kepada anggota parti (untuk memutuskannya). Lain kali, mereka boleh pilih orang lain,” katanya.

Mengenai permintaan perwakilan UMNO Kedah, Datuk Badrudin Amirudin supaya UMNO pusat menyalurkan peruntukan kepada cawangan dan bahagian untuk menggerakkan jentera parti, Dr. Mahathir berkata, parti sedia berbuat demikian jika mendapati ia tidak mencukupi.

“(Tetapi) Kita tidak benarkan bahagian kutip wang walaupun kita membenarkan (badan) perhubungan (negeri) kutip derma kalau mereka tidak mempunyai wang yang cukup.

“Kalau kita ada duit, kita berilah sikit,” katanya.